

CNS7153

U GB 02-02 00188 BA241

aab

Mahathir - Quran

KEMBALI KEPADA AL-QURAN BAGI KEGEMILANGAN ISLAM, KATA MAHATHIR

I

KUALA LUMPUR, 2 Feb (Bernama) -- Umat Islam harus kembali kepada ajaran al-Quran dan membuat tafsiran dengan betul bagi mengembalikan zaman kegemilangan Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, masyarakat Islam perlu mengetepikan tafsiran yang dibuat oleh sesetengah ulama selepas zaman kegemilangan Islam kerana bukti menunjukkan bahawa sesetengah ulama lebih berminat mengekalkan pengaruh dalam kerajaan Othmaniah daripada membuat tafsiran yang betul.

"Oleh itu, apabila melihat gereja Kristian kehilangan pengaruh selepas pemisahan gereja daripada pentadbiran negeri, mereka mengecam pembelajaran ilmu bukan agama dengan harapan mereka yang memiliki pengetahuan seperti itu tidak muncul bagi mengambil tempat mereka," kata beliau ketika merasmikan Seminar Antarabangsa ke-4 mengenai al-Quran di Pusat Islam di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, ulama-ulama ini menqecap pembelajaran seperti itu sebaqai sekular lalu mengharamkannya, lantas menyebabkan umat Islam yang pernah mendahului dunia dalam ilmu seni dan sains mula ketinggalan di belakang masyarakat bukan Islam.

Akhirnya, hampir setiap negara Islam berada di bawah telunjuk imperialis Barat, kata beliau. -- Lagi.

▼02/02/18-35MST

CNS7165

R GB 02-02 00120 BA244

aab

Mahathir - Quran 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata tafsiran ulama-ulama itu jelas mempunyai kepentingan peribadi tetapi malangnya tafsiran mereka masih diterima oleh sebilangan masyarakat hingga sekarang.

Justeru itu, tafsiran al-Quran perlu dibuat demi kepentingan Islam dan umat Islam, kata Perdana Menteri.

"Tafsiran harus mengambil kira keadaan semasa. Tafsiran tidak harus dibuat bagi memenuhi kepentingan mereka yang mentafsirkannya atau mana-mana individu atau kelompok atau kumpulan politik," kata beliau.

Dr Mahathir berkata bahawa tafsiran al-Quran kini tidak lagi boleh tertumpu kepada kalangan cendekiawan agama semata-mata.

Beliau berkata, kalangan cendekiawan dari cabang ilmu yang lain juga perlu turut serta dalam membuat tafsiran bagi menangani masalah masa kini. -- Lagi.

▼02/02/18-43MST

CNS7202

U GB 02-02 00148 BA247

aab

Mahathir - Quran 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata kemajuan dalam sains perubatan, genetik, penerokaan angkasa lepas, perdagangan dan industri memerlukan pengetahuan yang mendalam dalam bidang-bidang ini agar dapat dihubungkan dengan ajaran al-Quran.

"Jika tidak, maka sesetengah masyarakat Islam akan menaruh anggapan bahawa kandungan al-Quran sebagai tidak lagi relevan. Masyarakat bukan Islam pula mungkin akan mencemuhkannya," kata beliau.

Perdana Menteri berkata al-Quran juga tidak harus ditafsirkan secara literal kerana ia akan mengadkan pengajaran dan pengetahuan yang begitu banyak yang terkandung di dalamnya bagi faedah masyarakat Islam dan seluruh umat manusia.

"Al-Quran tidak sekali-kali mengelirukan atau ketinggalan zaman. Mereka yang mentafsirkannya yang membuat tafsiran yang mengelirukan, kurang pengetahuan dan ketinggalan zaman," kata beliau.

Perdana Menteri berkata al-Quran tidak pernah silap. Tetapi ada kemungkinan mereka yang mendalami, menganalisis dan mentafsirkan kandungannya sendiri yang membuat kesilapan. -- Lagi.

▼02/02/19-07MST

CNS7201

R GB 02-02 00139 BA248

bah

Mahathir - Quran 4 (akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, inilah yang menyebabkan kemunculan beberapa mazhab dalam Islam dengan masing-masing mempunyai tafsiran yang berbeza terhadap ajaran al-Quran, hadis dan sunnah.

"Tafsiran yang berbeza ini mungkin disebabkan dalam banyak hal, al-Quran memberi panduan secara umum yang mencakupi pelbagai keadaan," he said.

Malangnya, ada kecenderungan di kalangan sesetengah mazhab dan sesetengah ulama untuk mempertahankan tafsiran mereka dan percaya hanya kepada tafsiran mereka sahaja.

Perdana Menteri berkata, golongan itulah yang menimbulkan salah faham di kalangan umat Islam, menyebabkan perpecahan bukan sahaja di kalangan mazhab dan kumpulan, bahkan mencetuskan konflik dan peperangan.

Beliau berkata perpecahan dan konflik di kalangan masyarakat Islam jelas bukan berpunca daripada Quran tetapi disebabkan oleh ketaksuban sesetengah imam dan ulama. -- Bernama.

AH FAZ NMO

▼02/02/19-13MST

CNS7225